


Raya Erom, srikandi di pentas seni Sabah



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

UG 11.3.2018 B4

DATUK Raya Erom, aktivis seni yang gigih walaupun mempunyai kemewahan di sekeliling, namun perjuangan yang tidak mengenal lelah dalam arena seni tidak pernah menemui tanda noktahnya.

Bakat seni yang mengalir dalam jiwa beliau diwarisi dari bapanya seorang tukang kayu dan pembina rumah yang bagus di Kampung Selupoh, Tuaran.

Sejak kecil lagi anak kampung pedalaman ini

sudah berjinak-jinak dengan seni penulisan di mana beliau suka menulis puisi dan madah pendek dan kerap kali menghantarkan karya-karyanya ke beberapa majalah tempatan dan juga pernah diterima dan mendapat bayaran dari Radio Televisyen Malaysia yang disiarkan dalam rancangan kanak-kanak.

Walaupun begitu tidak semua usaha Raya Erom dalam seni penulisan berjaya namun itu tidak melemahkan usahanya untuk menghasilkan pelbagai jenis karya dari menulis puisi, novel, cerpen, drama radio, pojok, kolom, seni tari, lakonan dan seni lukis. Usaha gigih dan tidak pernah mengaku kalah adalah dari didikan ibunya Puan Pansuran Lijar, seorang wanita gigih dan sangat menjaga disiplin serta menanamkan semangat kental dalam keluarga.

Pendidikan yang beliau raih di peringkat sekolah rendah memberikan asas yang sangat kukuh, dibawa beliau hingga ke Universiti Sains Malaysia pada tahun 1983 semasa menjadi mahasiswi seni kreatif dan telah menggilap lagi bakat seni dari bidang penulisan seterusnya berkembang kepada bidang seni yang lain umpamanya

seni lukis, tarian dan teater yang sangat diminatinya sejak zaman kanak-kanak lagi.

Untuk memenuhi kehendak bakat yang sedia ada akhirnya Raya Erom meneruskan pengajian dalam bidang teater dan belajar di Pacific Southern University, California, Amerika Syarikat. Di institusi tersebut beliau mengenali mahaguru teater terkenal serta mendalami teori dan konsepsi lakonan dari tokoh antarabangsa seperti Richard Schechner perintis seni persembahan, Bertolt Brecht pendukung kaedah lakonan konseptual dan Constantin Stanislavski perintis lakon secara natural.

Sekembalinya ke tanah air, beliau banyak menabur khidmat bakti dalam seni lakonan, tarian serta penulisan di daerah pedalaman Sabah. Justeru itu akhirnya beliau ditawarkan oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sabah untuk menjadi pensyarah dalam bidang seni teater dan tarian sekaligus menjadi pensyarah teater wanita pertama di Sabah.

Oleh sebab berbakat dalam bidang seni persembahan, beliau pernah juga mengajar seni tari dan berkecimpung dengan aktif dalam beberapa kumpulan teater negeri Sabah. Di samping menjadi pendidik seni persembahan beliau juga tidak melepaskan peluang menghasilkan karya penulisan (minatnya yang pertama) apabila terdapat masa berkarya di mana sahaja beliau berada.

Berkat tekun dan komitmen yang tinggi akhirnya beliau telah berjaya menerbitkan tiga buah buku bertajuk *Tuan Mohd Said Keruak Tun Hamdan - Jasadnya di Istana Hatinya di Desa, Pesona Kota Belud* dan *Cermin Kehidupan Nukilan Tinta* serta beberapa buah antologi sajak dan cerpen. Kerana minatnya dalam bidang penulisan beliau pernah menyandang pemenang Deklamasi Sajak Peringkat Negeri Sabah.

Usaha menghasilkan karya untuk sendiri tidak berhenti di situ sahaja. Menyadari ruang atau tempat aktiviti adalah sangat penting untuk mengembangkan karya seni anak-anak tempatan serta minat di dalam beberapa pendidikan akademik, maka beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Yayasan Satu Suria. Yayasan tersebut telah berjaya membina tiga buah institusi antaranya Pusat Seni Suria di Kampung Likas, Yayasan Kebajikan Suria Kampung Tajau Tuaran,

serta Sekolah Agama Suria di kampung yang sama bagi menyediakan tempat pendidikan agama kanak-kanak di kampung tanah tumpah darahnya.


Biasanya di Pusat Seni Suria diadakan juga kelas seni seperti melukis, membaca puisi serta bengkel penulisan kreatif yang sangat diminati oleh Raya Erom. Oleh sebab itu beliau tidak melepaskan peluang menghasilkan karya seni seperti seni lukis dengan menggunakan media kering pastel kapur dan arang kadangkala bersama-sama pelajar yang datang menjalankan aktiviti minggu di Pusat Kesenian Suria beliau.

Semasa mengiringi suami atau anak-anak keluar negara beliau tidak melepaskan peluang melihat dengan sendiri akan aktiviti seni budaya di setiap negara yang di lawati. Pengetahuan serta idea yang diterima dalam perjalanan tersebut telah membuatkan beliau berminat memperbaiki dan meningkatkan program Yayasan Satu Suria dengan tujuan dapat membantu masyarakat yang kurang berupaya dan berpendapatan rendah terutamanya di kawasan pedalaman.

Untuk tujuan tersebut beliau berjaya menubuhkan Pusat Seni Suria Kampung Likas yang di tubuhkan untuk membantu masyarakat yang kurang kemampuan, ruang serta laman pendidikan kanak-kanak dan anak yatim membuat aktiviti tanpa dikenakan bayaran sewa dan sebagainya. Ia juga menjadi tempat warga tua dan kurang upaya mendapat peluang untuk membuat aktiviti sama ada menghadiri kelas pendidikan seni, aktiviti sosial dan agama.

Pusat Seni Suria ditempatkan di bangunan yang sederhana besar tetapi lengkap dengan infrastruktur terkini sebagai dewan pertemuan dan aktiviti masyarakat kondusif. Biasanya beliau berada setiap hujung minggu jika sekiranya tiada memenuhi jemputan resmi dan juga acara keluarga. Penulis mengenali Datuk Raya Erom semasa sama menuntun di Pusat Seni Suria kini Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia pada tahun 1983. Asas yang kukuh serta ampuh yang di terima oleh beliau terutama sekali di peringkat Institusi Pengajian Tinggi telah membentuk sikap serta minat beliau terhadap seni visual dan juga seni persembahan secara natural. Mempunyai kebolehan serta minat di dalam beberapa bidang seni bukan lah satu perkara yang biasa kerana tidak semua warga seni yang boleh menguasai antar disiplin mencapai matlamat yang tinggi seperti mana yang di miliki oleh anak kampung dari Tuaran ini.

Meneliti karya yang



PENULIS bersama Datuk Raya di galeri Pusat Seni Suria.

dihasilkan oleh Datuk Raya Erom yang pernah mendapat pendidikan seni visual di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada tahun 1983 membuktikan kemampuan kreatif seni beliau yang sangat mapan. Tunjuk ajar dari berbagai-bagai disiplin seni yang di terima dari istitiuji pengajian tinggi menampakkan satu kekuatan konsepsi serta teknik pengkaryaan yang mendalam dan matang. Pengaruh Prof Emeritus Mohd Ghouse Nasarudin yang menjadi mentor semasa di menara gading sangat jelas kelihatan dalam corak serta reka letak elemen seni seperti garisan, jalinan serta warna yang menyerlah di dalam setiap karya beliau misalnya karya yang bertajuk *Indahnya Cekerwala*. Karya tersebut beraliran abstrak ekspresionis mirip gaya Franz Kline yang menghasilkan karya secara gerak isyarat bebas (Gestural) menurut perasaan serta imaginasi yang bebas. Ilham yang di alami beliau semasa melawat Iceland dan menyaksikan fenomena alam seperti *Aurora Borealis* telah memberikan kesan mendalam di sanubari beliau dan sangat terpanggil untuk menggambarkan keindahan ciptaan Allah. Melalui garisan yang berbagai-bagai serta berselang seli antara satu sama lain memberi kesan jalinan yang terhasil dari tekanan tangan terhadap keping warna yang terhasil di atas kertas menimbulkan suasana serta imej yang sangat menarik dan mempesonakan. Karya ini sangat dinamik bukan sahaja campuran warna yang matang bahkan pergerakan karya yang begitu memukau khalayak.

Minat Raya Erom tidak sahaja kepada hal benda imaginasi dan fantasi sahaja bahkan terdapat beberapa buah tajuk karya beliau yang menekankan kepada kehidupan yang di alaminya seperti karya *Jalur Jalur Kehidupan*. Karya yang dihasilkan pada tahun 2017 bersaiz sederhana besar

dihasilkan dari media warna kering campuran arang dan pastel di atas kertas gula.

Karya pengaruh Hard-Edge sangat popular pada tahun 1980 oleh aliran Seni Pop di barat. Pelukis begitu bebas melakarkan kepelbagaian saiz garisan yang berwarna warni. Garisan yang bergerak kesatu arah menurut gelombang serta arus yang berlekkok menunjukkan rintangan serta kekangan hidup yang ditemui dalam setiap perjalanan individu sebagai satu keperitan serta kejengkelan yang ditemui dalam penerokaan yang tidak di ketahui destinasi.

Jalur-jalur kehidupan jelas dilukiskan oleh beliau umpama kontur lereng bukit atau gunung yang berlapis di lihat dari atas hingga ke lurah yang mendalam. Garisan berwarna gelap terang yang belengkok tidak akan menarik jika tidak dihiasi dengan jalinan titik serta garisan yang menimbulkan karya tersebut.

Walaupun olahannya agak mudah namun kemudahan yang bersahaja berjaya menarik mata khalayak melihat lengkok serta gerak garisan umpama penari menggelekkakan tubuh mereka di atas pentas, menurut Robert Henri pengasas seni lukis Regionalism di Amerika "*Art after all only a trace-like a footprint which shows that one has walked bravely and in great happiness*" (1865-1929). Seni lukis adalah kesan yang terpahat di atas permukaan, menunjukkan telah dipijak dengan gagah berani oleh seseorang yang riang gembira.

Oleh sebab minatnya dalam bidang seni lukis tidak terbatas, biasanya ke mana sahaja berjalan sama ada dalam dan luar negara beliau tidak melepaskan peluang mengunjungi galeri dan pusat kraftangan di negara tersebut. Kejayaan dalam bidang penulisan diulangi juga oleh beliau dengan mengadakan beberapa pameran dalam negeri sama ada pameran bersama dan juga pameran solo. Menurut peribahasa Inggeris "*Every successful*

women there is always a strong man behind them."

Begitu juga halnya dengan kejayaan Datuk Raya Erom yang sentiasa disokong dan dibantu oleh suami, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Tun Mohd Said Keruak yang menjadi tulang belakang kepada setiap karya yang dihasilkan.


Bukan sahaja suami menjadi pengkritik utama bahkan beliau juga penggalak kepada setiap program dan projek yang ingin dijalankan oleh beliau secara individu mahupun projek Yayasan Satu Suria. Oleh sebab itu tidak hairan kejayaan yang diraih beliau selama berkecimpung dalam bidang kesenian, sosial dan kemasyarakatan mendapat pengiktirafan bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa.

Salah satu anugerah yang patut dibanggakan apabila Yang Berhormat Senator Datuk Raya Erom menjadi pemenang Anugerah FORBES Asia pada tahun 2008, kerana melibatkan diri selama dua puluh tahun dalam kerja amal dan kemasyarakatan di negeri Sabah.

Jelas sekali bahawa minat kepada seni telah melonjakkan pencapaian Datuk Raya Erom dalam setiap aktiviti yang diceburinya. Bermula dari minat kepada penulisan hingga kepada seni yang berbagai-bagai disiplin, semangat dan perjuangan mengembangkan bidang tersebut cuba diterapkan kepada generasi muda yang akan melangsungkan perjuangan seni negara di masa hadapan.

Oleh itu contohlah Datuk Raya Erom sebagai srikandi yang meniupkan semangat di pentas dunia seni negeri Sabah dan Malaysia secara keseluruhannya.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



Indahnya Cekerwala. Pastel. 2017



Bintang Kehidupan. PastelWarna. 2015